KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/2/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

Misai harimau didakwa boleh sembuhkan sakit gigi

Kuala Lumpur: Tidak hanya diburu secara haram kerana kulit, malah organ lain harimau belang seperti otak, testis, bola mata, tulang dan misai turut mempunyai 'harga' luar biasa.

Berdasarkan maklumat, hampir semua organ dan bahagian harimau mempunyai nilai istimewa dalam perubatan tradisional Cina.

Kepercayaan dipegang ratusan tahun ini mendakwa organ harimau belang memiliki nilai farmaseutikal dan boleh digunakan untuk merawat penyakit saraf atau epilepsi hinggalah mampu memulihkan mati pucuk.

Wujud kepercayaan lemak harimau yang dijadikan ubat sapu bagi merawat sakit sendi, demam dan reumatik.

Manakala misai harimau boleh menyembuhkan sakit gigi selain otak harimau boleh digunakan bagi merawat jerawat.



KULIT harimau mampu dijual RM100,000 bagi setiap seekor dan taringnya pula mempunyai nilai di pasaran gelap.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, bukan menjadi rahsia bahawa setiap anggota badan harimau menjadi ramuan dalam perubatan tradisional China.

Menurutnya, wujud juga kepercayaan serbuk tulang harimau boleh merawat ulser, kepialu, malaria, radang usus, melecur dan pelbagai penyakit lain.

"Malah penghasilan minuman keras wain harimau bernilai beribu ringgit turut menjadi faktor haiwan liar dilindungi ini dibunuh. Malangnya masih ada yang percaya minuman ini boleh menyembuhkan pelbagai penyakit, mengubat mati pucuk dan memanjangkan usia," katanya.

Kadir berkata, kesukaran mendapatkan bekalan tulang harimau Asia menyebabkan pembekal serta pemburu haram berusaha mendapatkan tulang singa Afrika bagi memenuhi permintaan di pasaran gelap.

Beliau berkata, kulit harimau sebagai lambang kemegahan turut memiliki harga tinggi hingga mencecah RM100,000 setiap satu.

"Berdasarkan kes disiasat Perhilitan sebelum ini, seekor harimau dewasa jantan berharga mencecah RM300,000 di pasaran gelap meliputi seluruh anggota badan termasuk daging, tulang, kulit, kuku dan organ.

Menurutnya, kepercayaan tanpa bukti saintifik ini antara punca harimau di seluruh dunia diburu untuk memenuhi permintaan pengamal perubatan tradisional ini.

"Keadaan diburukkan apabila perdagangan 'gelap' hidupan liar di peringkat antarabangsa adalah ketiga paling menguntungkan selepas penyeludupan dadah dan senjata.

Sementara itu, tinjauan wartawan Harian Metro di laman jual beli e-dagang mendapati cebisan kecil kulit harimau turut ditawarkan pada harga menjangkau RM350.

Malah, turut dijual adalah misai harimau yang didakwa 'berkhasiat' bagi tujuan amalan ghaib selain pelbagai kepercayaan mistik lain.

Namun berdasarkan harga ditawarkan hingga semurah RM10, wartawan yakin kulit harimau belang itu adalah palsu.

HM 190222_20